



Agong berkenan terima menghadap PM

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, semalam berkenan menerima menghadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Istana Negara, untuk mesyuarat pra-Kabinet. Sesi mesyuarat pra-Kabinet itu berlangsung selama 45 minit, bermula pada jam 4.15 petang. Sesi itu juga adalah pertama kali buat Anwar selepas beliau mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri Ke-10 pada 24 November lalu. Mesyuarat pra-Kabinet adalah antara aktiviti mingguan atau rutin utama Yang di-Pertuan Agong untuk berbincang dan bertukar pendapat bersama Perdana Menteri berkenaan urusan dan isu berkaitan kerajaan.

(Foto ihsan FB Istana Negara)

BH-13/12/2022 w/d: 4